

Kenyataan Menentang Mutilasi Genital Perempuan

2016



HM Government

Mutilasi Genital Perempuan (FGM) ialah penderaan kanak-kanak dan amalan yang sangat berbahaya dan menyebabkan kesihatan yang buruk kepada kanak-kanak perempuan dan wanita. Sesetengah kanak-kanak perempuan meninggal daripada kehilangan darah atau jangkitan kerana akibat langsung daripada prosedur itu. Sesetengah wanita yang telah menjalani FGM juga berkemungkinan mendapati sukar untuk melahirkan anak dan ramai juga yang menderita daripada trauma psikologi jangka panjang.

Tujuan kenyataan ini: Anda hendaklah membawa kenyataan ini bersama-sama anda apabila anda ke luar negara. Anda boleh menunjukkannya kepada keluarga anda. Ini menjelaskan bahawa FGM ialah kesalahan jenayah yang serius di UK dengan hukuman

maksimum selama 14 tahun dalam penjara untuk sesiapa yang didapati bersalah. Ibu bapa anda atau sesiapa sahaja yang menjaga anda, boleh juga didapati bersalah jika mereka gagal melindungi anda daripada FGM dilakukan terhadap anda.

Simpan kenyataan ini dengan selamat: Anda hendaklah membawanya bersama-sama anda sepanjang masa.
– terutama sekali apabila anda pergi ke luar negara.

Apakah itu FGM: FGM ialah mutilasi genitalia luar perempuan bukan atas sebab perubatan. Kelakuan ini kadangkala dikenali sebagai penghatanan perempuan atau 'sunna'.

Undang-undang UK: FGM ialah jenayah di UK¹.

- Meskipun seseorang dibawa ke luar negara untuk menjalankan FGM, itu masih suatu jenayah di UK jika mutilasi dilakukan oleh rakyat UK atau penduduk UK.
- Tindakan ini juga merupakan jenayah jika rakyat atau penduduk UK membantu atau mendapatkan rakyat atau penduduk bukan UK untuk menjalankan FGM di luar negara pada rakyat atau penduduk UK

¹ Di England, Wales dan Ireland Utara, amalan itu menyalahi undang-undang di bawah Akta Mutilasi Genital Perempuan 2003. Di Scotland, amalan itu menyalahi undang-undang di bawah Akta (Scotland) Larangan Mutilasi Genital Perempuan 2005.

- Dan jika FGM telah dilakukan terhadap seorang kanak-kanak perempuan di bawah umur 16 tahun, setiap orang yang bertanggungjawab ke atas kanak-kanak perempuan itu pada masa yang berkaitan itu dianggap bersalah melakukan jenayah².

Hukuman Jenayah Sesiapa yang didapati bersalah atas kesalahan FGM – atau membantu seseorang melakukannya – boleh dijatuhkan hukuman penjara sehingga 14 tahun, disaman atau kedua-duanya sekali.

Sesiapa yang didapati bersalah kerana gagal melindungi seorang

² Di England, Wales dan Ireland Utara.

kanak-kanak perempuan daripada risiko FGM boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga 7 tahun, saman atau kedua-duanya sekali.

Bantuan dan sokongan Jika anda bimbang ini mungkin berlaku kepada anda atau seseorang yang anda kenal, anda boleh bercakap secara sulit dengan guru, doktor, jururawat sekolah, pekerja sosial, pegawai polis atau mana-mana profesional kesihatan, pendidikan atau penjagaan sosial. Mereka akan dapat membantu, menyokong dan melindungi anda. Jika anda ialah mangsa FGM dan melaporkannya kepada polis, anda akan diberikan ketanpanamaan sepanjang hayat dari masa dakwaan itu dibuat. Ini bermakna tiada maklumat akan diterbitkan yang boleh mengenal pasti anda sebagai mangsa FGM, meskipun tiada terdapat kes mahkamah akhirnya.

Jika anda berada di UK dan berasa bimbang bahawa anda mungkin dibawa ke luar negara untuk tujuan FGM, sila **hubungi polis dengan mendail 999.**

Jika anda berada di luar negara dan memerlukan bantuan atau nasihat, sila hubungi **Pejabat Asing dan Komanwel di +44 (0) 20 7008 1500**

Anda boleh juga mengakses bantuan dan sokongan daripada:

Talian bantuan FGM NSPCC:
0800 028 3550
Email: fgmhelp@nspcc.org.uk

Talian kanak-kanak

Tel: 0800 1111

www.childline.org

Equality Now

(di Nairobi, Kenya dan London, UK)

Tel (London): +44 (0) 20 -7304 6902

Tel (Nairobi): + 254 20-271-9832

www.equalitynow.org

Hak cipta © Crown 2016



Apabila anda telah selesai dengan penerbitan ini, sila kitar semula.